

09 JUN 1996

MCA - Perniagaan

MASYARAKAT CINA JUGA DAPAT MANFAAT HASIL PENSWASTAAN, KATA LING

IPOH, 9 Jun (Bernama) -- Semua kumpulan etnik mendapat manfaat hasil daripada projek penswastaaan di negara ini, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berpandangan jauh, bukan sahaja Renong atau Tajuddin Ramli yang mendapat faedah tetapi juga masyarakat Cina seperti Ekran dan masyarakat India seperti Ananda Krishnan," katanya.

Dakwaannya bahawa ahli perniagaan Cina tidak mendapat faedah sama rata hasil daripada projek penswastaaan negara adalah tidak benar, kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri Konvensyen Tahunan MCA perak di sini.

Sebanyak 626 anggota perwakilan menghadiri konvensyen itu yang diadakan di Wisma Chin Woo di Jalan Hussein, di sini.

Dalam ucapan dasarnya, Ling menggesa anggota supaya merapatkan semula perpaduan selepas pemilihan peringkat bahagian dan cawangan baru-baru ini kerana ini penting bagi perjuangan parti.

Beliau berkata disiplin dalam parti juga tidak kurang penting kerana tanpa disiplin, MCA tidak akan stabil seperti sekarang.

Mengenai Pusat Latihan Kadre parti itu bagi melatih pemimpin masa depan, Ling berkata MCA mempunyai rancangan untuk menubuhkan pusat di setiap negeri dan satu kawasan telah dikenali untuk membina pusat itu di Perak, Selangor, Johor dan Pahang.

Mengenai Wanita MCA, Ling berkata Wanita diwajibkan 30 peratus daripada kerusi parti dalam majlis tempatan menjelang tahun 2010.

Menurut beliau, Wanita MCA mungkin mencapai kuota itu lebih awal jika dapat menarik pemimpin yang berkaliber dan berkualiti.

Tiga resolusi diluluskan dengan sebulat suara pada konvensyen itu antaranya menyokong kepimpinan Ling untuk membawa MCA ke mercu kejayaan yang lebih tinggi.

Resolusi itu juga merayu belia-belie Cina memohon memasuki Maktab Latihan Perguruan supaya mereka boleh menjadi guru yang berkecayaan. --

BERNAMA

ASM FAZ